



**JABATAN LAUT MALAYSIA
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL**

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SHIPPER

Oktober 2020



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SHIPPER

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

1. PENGENALAN

Penguatkuasaan pendaftaran shipper ini telah bermula pada 01 Julai 2016 melalui Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 02/2016.

Dalam NPM ini memaklumkan pindaan terkini terhadap Peraturan VI/2 SOLAS dan pemakaian 'Garis Panduan Berkaitan Pengesahan Berat Kasar Kontena Berkargo' selaras yang ditetapkan dalam MSC.1/Circ.1475.

Semua pihak yang terlibat (shipper) dikehendaki untuk menetapkan kaedah pengesahan berat kasar sebenar kontena berkargo berdasarkan garis panduan tersebut melalui permohonan pendaftaran shipper kepada Pejabat Pendaftaran Shipper, Jabatan Laut Malaysia yang terdekat.

Kegagalan shipper memenuhi keperluan yang dinyatakan di atas akan menyebabkan kontena berkargo terbabit tidak dibenarkan untuk dimuat ke atas sesebuah kapal yang tertakluk kepada peraturan SOLAS.

2. KEPERLUAN PEMATUHAN

SOLAS chapter VI, part A, regulation 2.

3. RUJUKAN

Rujukan boleh dibuat kepada :

1. Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 02/2016,
2. MSC.1/Circ.1475.

4. KAEDAH PERMOHONAN

Borang permohonan untuk Pendaftaran Shipper perlu dikemukakan kepada Pejabat Pendaftaran Shipper (Jabatan Laut Wilayah).

Sila layari laman web Jabatan Laut Malaysia : www.marine.gov.my
(Prosedur →Pelabuhan →Direktori Perhubungan Pejabat Pendaftaran Shipper)

atau di <http://shipper.marine.gov.my> bagi direktori perhubungan Pejabat Pendaftaran Shipper.

4.1 Jadual Fi

Tiada fi yang dikenakan.



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SHIPPER

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.2 Senarai Borang Pendaftaran Shipper

1. Borang Pendaftaran Shipper (Rev. 2).

Borang ini boleh dimuat turun di www.marine.gov.my
(Perkhidmatan → Borang → Perkapalan → Shipper Registration Form)

atau di <http://shipper.marine.gov.my>

4.3 Permohonan Baharu

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :

Bil	Senarai Dokumen
	Method-1
1	Borang Pendaftaran Shipper (Rev. 2)
2	A copy of Company's Registration Certificate
3	A copy of MyCard of Duly Authorised Person
4	A copy of Form D* of weigh equipment for obtaining the gross mass of the packed container (if not using Port Terminal Facilities equipment)
	Method-2
1	Borang Pendaftaran Shipper (Rev. 2)
2	A copy of Company's Registration Certificate
3	A copy of MyCard of Duly Authorised Person
4	A copy of Form D* of weigh equipment for obtaining the gross mass of the packed container
5	A copy of Quality Management System (QMS) Certificate
<i>*Form D is a document issued by Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd.</i>	

Tempoh sah pendaftaran adalah selama dua (2) tahun akan diberikan kepada shipper yang memilih *Method-1* dimana hanya menggunakan alat penimbang di *Port Terminal Facilities* sahaja.

Jika menggunakan alat penimbang sendiri (weighing station), tempoh sah pendaftaran adalah mengikut tempoh sahlaku Form D.

Manakala bagi shipper yang memilih *Method-2*, tempoh sah pendaftaran adalah mengikut tempoh sahlaku Form D.



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SHIPPER

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.4 Permohonan Pembaharuan

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :

- Borang Pendaftaran Shipper (Rev. 2) sahaja (jika tiada pindaan maklumat).
- jika ADA pindaan maklumat, lampirkan dokumen lengkap mengikut para 4.3.

4.5 Permohonan Pindaan

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :

- Borang Pendaftaran Shipper (Rev. 2).
- Lampirkan dokumen lengkap mengikut para 4.3.

4.6 Permohonan Pembatalan

Sila sertakan salinan dokumen yang berikut :

- Borang Pendaftaran Shipper (Rev. 2).

4.7 Piagam Pelanggan

Memproses dan mengeluarkan Slip Pendaftaran Shipper dalam tempoh 3 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SHIPPER

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.8 Carta Alir Permohonan



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab shipper untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan atau slip yang dikeluarkan tidak tepat.